



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA



# LAPORAN PEPERIKSAAN **STPM & MUET** **2020**

---

## Bahasa Arab (913)



## **KANDUNGAN**

Bahasa Arab (913/1) .....	<b>1 – 3</b>
Bahasa Arab (913/2) .....	<b>5 – 7</b>
Bahasa Arab (913/3) .....	<b>9 – 10</b>

# BAHASA ARAB (913/1)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 1 848 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 46.81% daripadanya telah lulus penuh.

Peratusan calon bagi setiap gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	7.25	3.30	5.36	6.11	5.52	10.12	9.15	3.95	7.63	3.35	38.26

## RESPONS CALON

### Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon pada semester ini adalah lemah. Terdapat seorang calon yang memperoleh markah tertinggi, iaitu 60 markah daripada markah penuh 70 markah dan seorang calon mendapat markah terendah, iaitu 2 markah.

Secara umumnya, prestasi calon dalam bahagian pemahaman, karangan, dan tatabahasa adalah lemah. Satu soalan, iaitu soalan 1 ialah soalan yang berbentuk kefahaman. Perkataan-perkataan yang digunakan dalam soalan tersebut biasa digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran serta mudah difahami. Empat soalan, iaitu soalan 6, 7, 8, dan 9 ialah soalan yang berbentuk aplikasi, manakala soalan 1, 2, 3, 4, dan 5 pula ialah soalan berbentuk kefahaman dan karangan.

### Komen soalan demi soalan

#### BAHAGIAN I: Kefahaman

##### Soalan 1

Soalan (a), (b), (c), (d), dan (e), menghendaki calon mengemukakan jawapan berdasarkan teks yang diberikan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan betul. Terdapat juga calon yang sukar memahami teks yang diberikan. Mereka memetik mana-mana ayat atau bahagian petikan untuk dijadikan jawapan tanpa mengambil kira kehendak soalan. Hal ini demikian kerana calon tidak mampu mengolah jawapan dengan menggunakan gaya bahasa mereka selain tidak memahami soalan dan teks yang diberikan. Soalan (f) pula menghendaki calon memberikan perkataan seerti. Kebanyakan calon hanya dapat menjawab dua daripada tiga soalan yang diberikan. Hal ini demikian kerana calon lemah dalam perbendaharaan kata.

## BAHAGIAN II: Karangan

### Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon menerangkan tentang kesan pertambahan bilangan kereta di jalan raya kepada pencemaran alam sekitar dan cara menanganinya. Calon sepatutnya mengaitkan kesan pertambahan bilangan kereta dengan pencemaran dan menjelaskan juga cara menanganinya, tetapi ramai calon hanya menulis tentang sebab-sebab berlakunya pencemaran secara umum. Hal ini menyebabkan calon kehilangan banyak markah. Kelemahan ini berlaku kemungkinan disebabkan dua faktor iaitu pertama, mereka tidak memahami kehendak soalan dengan tepat, manakala faktor kedua calon kekurangan perbendaharaan kata bagi menulis isi-isi yang berkaitan dengan tajuk tersebut, justeru mereka mengambil jalan mudah dengan menulis tentang pencemaran alam sekitar secara umum.

### Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon menyatakan peranan wanita dalam memajukan masyarakat dan negara. Calon yang memilih soalan ini tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Kebanyakan calon menggunakan karangan yang diingat lalu diadaptasi dengan karangan yang dipilih namun isi yang diutarakan kurang bertepatan dengan kehendak soalan di mana mereka tidak menumpukan isi dengan kemajuan masyarakat dan negara. Di samping itu kesalahan tatabahasa sama ada *sorf* atau nahu dan pembinaan ayat banyak berlaku ketika calon mengemukakan isi-isi penting dan huraianya. Hal ini disebabkan calon menggunakan teknik yang tidak betul dalam membina karangan. Dalam membina karangan yang baik, calon sepatutnya mencari isi penting dan membina ayat-ayat pendek. Ayat-ayat tersebut kemudiannya dicantumkan sehingga menjadi beberapa perenggan.

### Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon membincangkan adat saling menziarahi pada hari raya dan kebaikannya. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini hanya menceritakan tentang sambutan hari raya bermula dengan persediaan pada pagi hari raya, solat hari raya, hidangan yang disediakan dan suasana pada hari raya. Calon tidak menumpukan kepada adat ziarah-menziarahi secara khusus dan kebaikannya.

### Soalan 5

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan kesan solat berjamaah dalam membina keperibadian seorang Muslim. Soalan ini adalah soalan yang agak mudah. Majoriti calon memilih soalan ini, namun kebanyakan isi calon menerangkan kesan solat berjamaah secara umum dan tidak berfokus dalam membina peribadi seorang Muslim, contohnya menyatupadukan umat Islam dan menguatkan hubungan persaudaraan. Sebahagian calon pula memfokuskan kepada solat secara umum dan ia dikira terkeluar dari tajuk. Walaupun demikian, terdapat juga calon yang dapat memberikan isi dengan betul namun lemah dalam menghuraikan isi tersebut.

## BAHAGIAN III: Saraf

### Soalan 6

Soalan 6(a) menghendaki calon menukarkan *fi'il* yang bergaris di bawahnya kepada *fi'il madhi* berserta baris. Ramai calon dapat menjawab soalan ini dengan baik terutama calon yang mahir dengan *tasrif fi'il*. Manakala calon yang tidak menguasai *tasrif fi'il* kebanyakannya akan membuat kesilapan. Calon sepatutnya mengenal pasti jenis ganti nama yang diberikan sebelum menukarkan kepada *fi'il madhi*. Soalan 6(b) pula menghendaki calon mengisi tempat kosong dengan menggunakan *zhorof* yang diberikan dalam tanda kurung. Kebanyakan calon dapat menjawab beberapa soalan daripada lima soalan yang dikemukakan. Terdapat juga calon yang tidak dapat menjawab langsung soalan ini. Hal ini demikian kerana calon tidak memahami maksud ayat sehingga calon gagal menggunakan *zhorof* mengikut kesesuaian ayat.

### Soalan 7

Soalan 7(a) menghendaki calon menukarkan *fi'il* yang diberi kepada *isim maf'ul* dengan baris penuh. Ramai calon yang menjawab soalan tidak dapat markah penuh kerana silap menukar *sighah* atau silap dalam meletakkan baris. Kesilapan ini banyak berlaku dalam *fi'il mu'tal* iaitu soalan 2 dan 4. Hal ini menunjukkan kelemahan calon dalam *tasrif fi'il mu'tal*. Soalan 7(b) pula menghendaki calon menukarkan *isim* yang diberikan kepada *isim nisbah* seperti contoh yang diberikan. Kebanyakan calon berjaya menjawab dua daripada lima soalan yang dikemukakan iaitu soalan satu dan lima kerana ia melibatkan kaedah asas penukaran *isim mansub*. Namun bagi soalan 2, 3, dan 4 yang melibatkan kaedah yang lebih sukar, ternyata kebanyakan calon gagal menjawab dengan baik.

## BAHAGIAN IV: Qawaид

### Soalan 8

Soalan 8(a) menghendaki calon menggunakan kalimah yang diberikan menjadi *mubtada'*. Majoriti calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Kebanyakan calon tidak dapat menggunakan *isim nakirah* menjadi *mubtada'* mengikut kaedah yang betul. Hal ini demikian kerana calon tidak menguasai topik ciri-ciri *mubtada'* dan kaedah pembinaannya. Soalan 8(b) pula menghendaki calon menentukan *khobar* dan jenisnya. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini namun kesilapan calon adalah tidak menulis *khobar* dengan lengkap atau tidak menyatakan jenis *khobar*. Terdapat juga calon yang gagal menjawab soalan dengan betul kerana terkeliru antara *mubtada'* dan *khobar*. Hal ini menunjukkan calon tidak menguasai topik tersebut dengan baik.

### Soalan 9

Soalan 9(a) menghendaki calon membina ayat menggunakan *huruf jar* yang diberikan. Secara purata, calon dapat menjawab tiga daripada lima soalan yang dikemukakan. Mereka tidak dapat menggunakan *huruf jar* (عن) dan (اللام) dengan betul. Sebahagian calon terkeliru antara *huruf lam al-ta'lil* dan *lam al-jar*. Hal ini demikian kerana calon tidak menguasai makna sebenar *huruf jar* tersebut dan kaedah penggunaannya. Soalan 9(b) pula menghendaki calon menukarkan *Jumlah ismiyah* kepada *Jumlah fi'liyah*. Kebanyakan calon dapat menukar kedudukan *fi'il* dalam *Jumlah fi'liyyah* dengan baik namun kebanyakan calon tidak melakukan perubahan *tasrif* yang betul untuk *fi'il* dalam *Jumlah fi'liyah*. Hal ini menunjukkan kelemahan calon dalam melakukan *tasrif fi'il* mengikut konteks ayat.

# BAHASA ARAB (913/2)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 1 812 calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 52.80% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon bagi setiap gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	10.54	4.08	8.22	6.73	7.23	10.21	5.79	4.30	7.73	3.48	31.68

## RESPONS CALON

### Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon pada semester ini adalah baik. Terdapat seorang calon yang memperoleh markah tertinggi, iaitu 64 markah daripada markah penuh 70 markah dan seorang calon yang memperoleh markah terendah, iaitu empat markah.

Secara umumnya, prestasi calon dalam bahagian pemahaman, karangan, dan tatabahasa adalah lemah. Satu soalan, iaitu soalan 1 ialah soalan yang beraras rendah. Bagi soalan 6, 7, 8, dan 9 pula ialah soalan aras sederhana, manakala soalan 2, 3, 4, dan 5 ialah soalan aras tinggi.

### Komen soalan demi soalan

#### BAHAGIAN I: Kefahaman

##### Soalan 1

Soalan (a), (b), dan (c), menghendaki calon mengemukakan jawapan berdasarkan teks yang diberikan. Kebanyakan calon dapat menjawabnya dengan baik. Terdapat juga sebilangan kecil calon yang menjawab soalan dengan menggunakan gaya bahasa teks yang diberikan, iaitu tidak menggunakan gaya bahasa sendiri. Hal ini demikian kerana calon tersebut lemah dalam bidang nahu dan *saraf*. Soalan (d) pula menghendaki calon memberikan perkataan seerti bagi setiap perkataan yang diberikan. Kebanyakan calon hanya dapat menjawab dua daripada empat soalan yang dikemukakan. Hal ini demikian kerana calon tidak dapat memahami maksud perkataan tersebut selain lemah dalam pertbaharaan kata dan ilmu *sarf*.

#### BAHAGIAN II: Karangan

##### Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon menyatakan usaha yang dilakukannya untuk menjadi seorang Muslim yang cemerlang. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Mereka menyatakan beberapa isi penting seperti usaha yang bersungguh-sungguh secara perterusan dan kaedah mengulang kaji pelajaran yang sistematik. Namun demikian, terdapat kelemahan calon dari segi nahu dan *sarf* sehingga menjelaskan pemahaman dan penyampaian isi.

### **Soalan 3**

Soalan ini menghendaki calon menyatakan pendapat yang menyatakan bahawa peranan sekolah dalam mendidik pelajar lebih besar daripada peranan keluarga. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini dapat mengemukakan idea dan pandangan masing-masing berkenaan tajuk tersebut. Kelemahan calon ketara dari segi penyusunan idea dan perbendaharaan kata di samping kelemahan nahu.

### **Soalan 4**

Soalan ini menghendaki calon menyatakan negara yang ingin dilawatinya berserta sebab yang mendorong keinginannya itu. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini dapat mengemukakan idea dengan memilih negara yang ingin dilawatinya seperti Arab Saudi dan menyatakan sebab keinginannya seperti menziarahi Mekah, Madinah, selain tempat-tempat bersejarah di sana. Namun demikian, calon lemah dari segi perbendaharaan kata dan nahu.

### **Soalan 5**

Soalan ini menghendaki calon menulis satu surat tidak rasmi kepada adiknya yang sedang belajar di kampung. Calon juga dikehendaki memberi semangat dan dorongan agar adiknya belajar bersungguh-sungguh. Kekuatan jawapan calon dalam soalan ini ialah calon dapat menulis eseai berformatkan surat kiriman tidak rasmi dengan baik. Kebanyakan calon memilih soalan ini dengan anggapan bahawa ia soalan mudah, tetapi masih ramai calon yang tidak dapat memahami tugasannya sebenar yang dikehendaki oleh soalan ini, menyebabkan ada surat kiriman yang ditulis terkeluar daripada tajuk dan kehendak sebenar tugasannya. Mereka tidak memahami tugasannya sebenar soalan dan tidak berkemahiran menukar ayat atau gaya bahasa yang dikemukakan oleh soalan. Sebaliknya mereka hanya menyalin semula ayat dan ungkapan berkenaan dalam bentuk isi surat kiriman tanpa mengambil kira kaedah tatabahasa *sarf* dan nahu. Sepatutnya, calon yang memilih soalan ini dapat mengemukakan jawapan berupa sepucuk surat kiriman tidak rasmi seperti menyatakan alamat calon (penulis) dengan jelas dan bertarikh, nama penerima dan alamat, memberikan kata-kata semangat yang mendorong adiknya agar belajar bersungguh-sungguh, ucapan penutup surat, dan tandatangan calon.

## **BAHAGIAN III: Saraf**

### **Soalan 6**

Soalan 6(a) menghendaki calon membina ayat lengkap dengan menggunakan kata kerja yang diberikan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Hal ini demikian kerana calon menguasai bidang *saraf* terutamanya kata kerja dengan tambahan tiga huruf selain dapat memahami makna setiap perkataan yang diberikan. Soalan 6(b) pula menghendaki calon menggunakan *masdar mimi* yang diberikan dalam ayat yang sempurna. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini dapat menjawab tiga daripada lima soalan yang dikemukakan. Terdapat juga calon yang menjawab soalan secara meneka dan tidak mengikut kaedah yang ditentukan. Hal ini demikian kerana calon tidak memahami makna perkataan tersebut selain lemah dalam *saraf*. Calon sepatutnya menganalisis *masdar mimi* tersebut dengan cara mengenal pasti maksud perkataan tersebut sebelum menggunakanannya.

## **BAHAGIAN IV: Qawaid**

### **Soalan 7**

Soalan 7(a) menghendaki calon mengenal pasti *maful mutlak* dalam contoh yang diberikan. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini hanya dapat menjawab tiga daripada lima soalan yang diberikan. Hal ini demikian kerana calon lemah dalam penguasaan nahu, terutamanya tajuk yang berkaitan dengan *maful mutlak*. Soalan 7(b) pula menghendaki calon menggunakan perkataan yang diberikan menjadi *maful li ajlih* dalam ayat yang sempurna. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini tidak dapat menjawabnya dengan baik. Mereka hanya dapat menjawab dua daripada lima soalan yang diberikan. Hal ini demikian kerana calon kurang menguasai ilmu nahu yang berkaitan *maful li ajlih*.

### **Soalan 8**

Soalan 8(a) menghendaki calon membina ayat yang lengkap dengan memasukkan ciri-ciri *naib fail* yang diberikan. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini tidak dapat menjawabnya dengan baik. Calon sepatutnya menyesuaikan kata kerja dengan *naib failnya* dari segi *taknis* dan *tazkir*. Hal ini demikian kerana calon lemah dalam bidang tatabahasa, terutamanya dalam tajuk *naib fail*. Soalan 8(b) pula menghendaki calon mengisi tempat kosong dengan menggunakan salah satu *adawat inna* yang diberikan. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini dapat menjawab tiga daripada lima soalan yang diberikan. Hal ini demikian kerana calon lemah dalam bidang tatabahasa, terutamanya dalam tajuk *adawat inna*. Calon sepatutnya memastikan *adawat inna* yang sesuai berdasarkan kesesuaian ayat tersebut.

## **BAHAGIAN V: Balaghah**

### **Soalan 9**

Soalan 9(a) menghendaki calon menggunakan perkataan yang diberikan sebagai *wajhu syabah* dalam ayat yang sempurna. Kebanyakan calon dapat menjawab satu daripada dua soalan yang dikemukakan. Kebanyakan calon menjawab tanpa memahami maksud *wajhu syabah* yang diberikan. Soalan 9(b) menghendaki calon mengenal pasti unsur *tibaq* dalam ayat yang diberikan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Soalan 9(c) pula menghendaki calon mengenal pasti unsur *sajak* bagi perkataan yang diberikan. Walaupun soalan ini berada pada aras kemahiran tinggi, kebanyakan calon dapat mengenal pasti unsur *sajak* dengan betul. Secara umumnya, calon dapat menjawab soalan bahagian *balaghah* ini dengan baik. Hal ini demikian kerana contoh ayat al-Quran dan prosa yang diberikan menggunakan bahasa yang mudah dan ringkas. Namun demikian, terdapat beberapa kesilapan yang dilakukan oleh calon terutamanya dari aspek ejaan.

# BAHASA ARAB (913/3)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 1 807 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 46.87% daripadanya telah lulus penuh.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
<b>Peratusan</b>	11.01	5.09	5.09	6.31	6.64	3.71	9.02	8.91	4.59	9.30	30.33

## RESPONS CALON

### Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon pada semester ini adalah sederhana. Terdapat seorang calon yang memperoleh markah tertinggi, iaitu 46 markah daripada markah penuh 50 markah dan lima orang calon memperoleh markah terendah, iaitu satu markah.

Secara umumnya, prestasi calon dalam bahagian meringkaskan karangan dan sastera adalah lemah. Berdasarkan respons calon, satu soalan 1, 2, dan 3 ialah soalan aras sederhana, manakala soalan 4 dan soalan 5 ialah soalan aras tinggi.

Secara keseluruhannya, jawapan calon adalah lemah, terutama dalam bahagian *Adab* dan *Nusus*. Kebanyakan calon kurang memahami kehendak soalan. Mereka memberikan jawapan yang lain daripada yang dikehendaki.

### Komen soalan demi soalan

#### BAHAGIAN I: Kefahaman

##### Soalan 1

Soalan 1(a) menghendaki calon meringkaskan teks yang diberikan dengan bilangan perkataannya tidak melebihi 60 patah perkataan. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan betul. Kebanyakan mereka menjawab dengan cara memindahkan beberapa potongan ayat dari petikan dan mencantumkannya tanpa mengambil kira struktur ayat yang betul. Mereka sukar untuk memahami teks yang diberikan walaupun bahasa dan perkataan yang digunakan adalah sederhana kesukarannya. Calon sepatutnya mengambil isi-isi penting terlebih dahulu sebelum mengolahnya menjadi satu ringkasan dengan menggunakan gaya bahasa mereka sendiri. Soalan 1(b) pula menghendaki calon menghendaki calon menghurai dan menjelaskan satu ungkapan yang digariskan dalam petikan karangan. Soalan bahagian ini amat mencabar disebabkan calon perlu memahami ayat tersebut dengan baik dan menghuraikannya dengan menggunakan ayat dan uslub sendiri. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini. Mereka hanya menyalin beberapa ayat daripada perenggan tersebut untuk dijadikan jawapan. Hal ini disebabkan calon kurang menguasai perbendaharaan kata bahasa Arab. Calon sepatutnya memahami kandungan teks dalam perenggan tersebut sebelum menerangkan pernyataan tersebut.

## **BAHAGIAN II: Saraf**

### **Soalan 2**

Soalan 2(a) menghendaki calon mengubah perkataan yang diberikan kepada *musanna* berserta barisnya. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun demikian, terdapat juga calon yang melakukan kesilapan meletakkan baris. Soalan 2(b) pula menghendaki calon mengubah perkataan yang diberikan kepada *jamak muzakkar salim* berserta barisnya. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.

## **BAHAGIAN III: Nahu**

### **Soalan 3**

Soalan 3(a) menghendaki calon membina ayat lengkap dengan menjadikan perkataan yang diberikan sebagai *hal*. Kebanyakan calon yang menjawab soalan ini dapat menjawab dengan baik. Namun begitu, terdapat juga calon yang tidak dapat menjawab soalan pecahan nombor tiga dan lima dengan baik. Soalan 3(b) pula menghendaki calon membina ayat lengkap dengan menggunakan kata *naat* yang diberikan. Kebanyakan calon dapat menjawab dengan baik.

## **BAHAGIAN IV: Sastera**

### **Soalan 4**

Soalan 4(a) menghendaki calon menyatakan tiga jenis tema baru dalam syair zaman Umaiyyah. Kebanyakan calon menjawab secara meneka kerana lemah dalam mengingati fakta yang berkaitan sejarah sastera Islam. Soalan 4(b) menghendaki calon menyatakan latar belakang penulis puisi tersebut. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini dapat menjawabnya dengan baik. Namun demikian, terdapat juga calon yang tersalah fakta. Hal ini demikian kerana calon lemah dalam mengingat fakta-fakta penting yang berkaitan puisi tersebut. Soalan 4(c) pula menghendaki calon menerangkan dua isi penting yang terdapat dalam puisi tersebut. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Soalan 4(d) pula menghendaki calon mengenal pasti unsur *tashbih* yang terdapat dalam puisi tersebut berserta jenisnya. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Terdapat juga calon yang menjawab secara meneka. Hal ini demikian kerana calon lemah dalam aspek gaya bahasa selain tidak memahami jenis *tashbih* tersebut.

### **Soalan 5**

Soalan 5(a) menghendaki calon menyatakan tiga prosa yang terdapat pada zaman Jahiliyyah. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Hal ini demikian kerana kelemahan calon dalam mengingati fakta yang berkaitan. Soalan 5(b) menghendaki calon menyatakan nama penulis prosa tersebut dan menyatakan tujuan prosa tersebut ditulis. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini dapat menjawabnya dengan baik. Namun demikian, terdapat juga calon yang tersalah eja nama penulis prosa. Hal ini demikian kerana calon lemah dalam mengingat fakta-fakta penting yang berkaitan prosa tersebut. Soalan 5(c) pula menghendaki calon menjelaskan frasa yang diberikan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Soalan 5(d) pula menghendaki calon menyatakan sifat-sifat terpuji yang terdapat dalam puisi tersebut. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun demikian, terdapat juga calon yang menjawab secara meneka. Hal ini demikian kerana calon lemah dalam aspek gaya bahasa selain tidak memahami maksud prosa tersebut.

# LAPORAN PEPERIKSAAN STPM & MUET 2020



**SASBADI SDN. BHD.** 198501006847

(Anak syarikat milik penuh Sasbadi Holdings Berhad 201201038178)  
Lot 12, Jalan Teknologi 3/4, Taman Sains Selangor 1,  
Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.  
Tel: +603-6145 1188 Faks: +603-6145 1199  
Laman web: [www.sasbadisb.com](http://www.sasbadisb.com) E-mel: [enquiry@sasbadi.com](mailto:enquiry@sasbadi.com)



**MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA**

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,  
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.  
Tel: +603-6126 1600 Faks: +603-6136 1488  
Laman web: [www.mpm.edu.my](http://www.mpm.edu.my) E-mel: [ppa@mpm.edu.my](mailto:ppa@mpm.edu.my)